

1.0 Abstrak

Ketiadaan sumber data yang berstruktur dan tersusun dengan baik dan rangka kerja tadbir urus data yang berpusat untuk TVET telah menimbulkan pelbagai cabaran dalam ekosistem TVET.

Walaupun terdapat banyak penyelidikan dan kajian menyeluruh dilakukan dalam domain TVET, namun penterjemahan di dalam rancangan strategik kepada hasil yang substantif dan ketara adalah terhad.

Walaupun pengiktirafan kepada usaha-usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan peluang pekerjaan untuk graduan TVET baru-baru ini adalah penting, namun penyelarasan pentadbiran TVET juga perlu menjadi keutamaan untuk menambah baik analisis data bekalan dan permintaan semasa.

Ketika ini data-data berkaitan TVET diperolehi daripada pelbagai sumber seperti Kementerian, agensi, penyedia latihan awam dan swasta.

Isu perpisahan data masih wujud dalam pelbagai Kementerian berbeza, walaupun usaha-usaha terdahulu telah dijalankan untuk menggabungkan data ini di bawah entiti tertentu.

Penubuhan repositori tunggal yang boleh dipercayai untuk TVET adalah langkah kritikal dalam mengatasi isu perpisahan data dalam TVET.

Melalui langkah ini, ia akan memudahkan penggubalan dasar yang berkesan dan membolehkan pendekatan yang lebih padu untuk menangani cabaran yang dihadapi.

PEMANDU Associates telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan penilaian kebolehlaksanaan yang bertujuan untuk menentukan rangka kerja berpotensi yang mampu berfungsi sebagai repositori berpusat dan berpadu, menggabungkan semua data TVET.

Hal ini adalah selaras dengan salah satu Bidang Keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah mengenal pasti penciptaan pangkalan data TVET sebagai salah satu inisiatif untuk mengatasi pertindihan bidang kuasa dalam tadbir urus TVET.

Objektif utama di sebalik penggabungan data TVET ini adalah untuk melengkapkan penggubal dasar dengan kaedah menggunakan data raya bagi membuat keputusan yang terbaik dalam penggubalan dasar.

Selain itu, mandat PEMANDU turut meliputi pengenaltanian amalan terbaik antarabangsa yang boleh diguna pakai di Malaysia. Amalan-amalan ini menjadi asas bagi cadangan dan strategi yang disyorkan di dalam sistem Data Raya TVET kebangsaan.

Hasil dapatan dan cadangan daripada kajian ini akan dijadikan sandaran bagi menetapkan struktur asas pelaksanaan inisiatif Data Raya TVET yang berjaya di Malaysia.

Bidang-bidang ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- Analisis Semasa Data Raya TVET di Malaysia
- Pengenalpastian Sistem dan Model Operasi dan Cadangan
- Pelan Pelaksanaan Cadangan

- Pembangunan Kamus Data TVET
- Pembangunan Templat Excel Data TVET
- Usaha Intergrasi Secara Berterusan
- Penambahbaikan Pangkalan Data MySPIKE
- Penggabungan data TVET dengan MySPIKE
- Penstrukturan Semula Unit Pengurusan Matlumat (UPM)
- Sinergi MySPIKE-LMIAP
- Pelan Kesyinambungan Perniagaan MySPIKE
- Permulaan Pembangunan BDA
- Lawatan tapak penandaaras di CEDEFOP

Secara asasnya, hasil kajian dan cadangan awal yang dijangka akan berperanan sebagai panduan untuk transformasi inisiatif Data Raya TVET di Malaysia. Penyediaan pendekatan berstruktur untuk menggunakan potensi data dalam meningkatkan kualiti, relevansi, dan impak Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, dan akhirnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.